

# Mahathir sangkal dakwaan Daim amalkan rasuah (P)

KUALA LUMPUR, Sabtu  
- Datuk Seri Dr Ma-  
hathir Mohamad hari ini  
menyangkal dakwaan  
kononnya Menteri Ke-  
wangan, Encik Daim Zai-  
nuddin, seorang yang ra-  
suah dan jahat.

"Kalau Encik Daim se-  
orang yang rasuah apa  
buktinya?" tanya Perda-  
na Menteri dalam satu si-  
dang akhbar selepas me-  
rasmikan mesyuarat  
agung perwakilan Umno  
bahagian Ulu Selangor di  
Sekolah Menengah Aga-  
ma Kuala Kubu Baru di  
sini, petang ini.

Beliau mempelawa pi-  
hak-pihak yang melem-  
parkan tuduhan terha-  
dap Encik Daim supaya  
tampil dengan bukti-buk-  
ti yang sah.

"Sesiapa sahaja boleh  
membuat tuduhan, tetapi  
sila tunjukkan bukti apa  
yang Encik Daim buat,"  
jelasnya.

Datuk Seri Dr Ma-  
hathir berkata, seki-  
ranya ada bukti beliau  
akan menyiasat dan  
mengambil tindakan.

Katanya, kalau Encik  
Daim dituduh sebagai ra-  
suah, orang yang mem-  
buat pendedahan itu pa-  
tut sanggup menjadi  
saksi untuk memberi ke-  
terangan dan bukti-buk-  
tinya.

"Tetapi sekiranya kete-  
rangan saksi itu didapati  
palsu, ia juga akan dike-  
na tindakan sewajar-  
nya," jelasnya.

Perdana Menteri me-  
negaskan, beliau ingin  
berlaku adil kepada se-  
mula pihak dan memasti-  
kan tiada siapa dalam  
kerajaannya melakukan  
rasuah.

"Kalau Encik Daim ra-  
suah, dia akan dikenakan  
tindakan. Kalau saya  
juga rasuah, saya juga  
boleh dikenakan tinda-  
kan," tegas beliau.

Perdana Menteri ter-  
paksa membuat pembe-  
la'an itu berikutan  
adanya tuduhan bahawa  
beliau mempunyai se-  
orang menteri yang ra-  
suah.

Terdahulu itu, Datuk  
Seri Dr Mahathir juga  
menafikan bahawa En-  
cik Daim adalah orang  
hadapannya dalam poli-  
tik dan kerajaan.

Beliau menyatakan du-  
kacitanya dengan penye-  
baran fitnah itu dan  
menganggapnya sesuatu  
yang malang dan mence-  
mar imejnya sebagai  
Presiden Umno dan Per-  
dana Menteri.